

# WADAH POLYCC™

e-Buletin Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

EDISI 3/ 2024 | JUL-SEPT 2024



MUKASURAT 6



MUKASURAT 7

## POLYCC YSEP'24: Tingkatkan Kemahiran Pemimpin Pelajar

## MALPTAC SIRI 15/2024: 16 Politeknik Turut Serta



MENARIK DI DALAM...

## POLYCC Catat Lebih 97 Peratus Kadar Kebolehpasaran Graduan, Tertinggi Dalam Sejarah



MUKASURAT 22



# *SIDANG REDAKSI* **WADAH POLYCC**

## **Penaung**

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari Ismail

## **Penasihat**

YBrs. Ts. Haji Kamaludin Daud

## **Ketua Editor**

Encik Abdul Hadi Mustaffa

## **Editor / Rekabentuk Buletin**

Encik Muhammad Syamil Khalid

Ts. Zulfadhli Osman

Puan Iza Kasmiza Kasmijan

Encik Afham Ilmam Mohamad Dimyati

## **Jurufoto**

Encik Mohd Hafizan Mohamed Hassan

Cik Sylvia Valentine Anak Labang

## **Diterbitkan oleh**

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Galeria PjH Aras 7, Jalan P4W Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel: 03 8888 2515 / 2870

Laman sesawang: <https://www.mypolycc.edu.my>

E-mel: [ukk.jppkk@mohe.gov.my](mailto:ukk.jppkk@mohe.gov.my)

Hakcipta terpelihara

Sebarang penerbitan semula buletin ini  
di dalam apa jua bentuk adalah

**TIDAK DIBENARKAN**

kecuali dengan kebenaran bertulis dari pihak

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

# ISI KANDUNGAN

1. POLYCC YSEP'24 : tingkatkan kemahiran insaniah pemimpin pelajar	4
2. MALPTAAC Siri 15/2024 : 16 politeknik turut serta	4
3. POLYCC catat lebih 97 peratus kadar kebolehpasaran graduan, tertinggi dalam sejarah	5
4. 30,000 pelajar baharu ikuti sesi dialog bersama Menteri Pendidikan Tinggi secara hibrid	5
5. Certiports Adobe Certified Professional Championship 2024 : Pelajar Politeknik Muadzam Shah ranguk gelaran juara dunia	6
6. Warga JPPKK sertai Larian MAPPA XIX 2024 di Putrajaya	6
7. Majlis Perhimpunan Bulanan JPPKK bertemakan semangat kemerdekaan	7
8. DYTM Raja Muda Selangor berkenan berangkat menyempurnakan Hari Terbuka TVET 2024 Yayasan Raja Muda Selangor di PSIS	7
9. INDex NEXUS POLYCC : Sinergi antara POLYCC dengan industri.	8
10. Pentauliahan profesional perkukuh peranan POLYCC melalui pensyarah pakar yang menjadi rujukan industri	8
11. Festival TVET MADANI @ KKSJ : Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan.	9
12. Program Pemindahan Ilmu: POLYCC kongsi kepakaran menerusi aktiviti khidmat masyarakat dan PSH untuk komuniti	9
13. Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam Politeknik dan Kolej Komuniti Bilangan 2 Tahun 2024 mantapkan strategi komunikasi POLYCC	10
14. Anugerah Inovasi Pembelajaran Digital CIDOS Inspiring Learning Awards (eDOLA) kali ke-12	10
15. Personaliti POLYCC	11

# POLYCC YSEP'24: TINGKATKAN KEMAHIRAN INSANIAH PEMIMPIN PELAJAR

**45**  
**PELAJAR**

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik  
dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar  
Kolej Komuniti Kebangsaan.



**Besut, 6 Julai 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar telah menganjurkan Program Polytechnic Community College Youth Skills Enhancement 2024 (POLYCC YSEP'24) yang berlangsung di Pulau Perhentian, dekat sini.

Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini disertai oleh 45 orang pelajar yang terdiri daripada Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Kolej Komuniti Kebangsaan.





# MALPTAC SIRI 15/2024: 16 POLITEKNIK TURUT SERTA



**504**  
**ASKAR WATANIAH**

Menyertai MALPTAC SIRI 15/2024

**9 Julai, Kangar** - Majlis Perasmian Penutup Malaysian Polytechnic Territorial Army Annual Camp (MALPTAAC) Siri 15/2024 yang telah diadakan di Ladang Kenaf, Kangar, Perlis. Program ini telah diserikan dengan keberangkatan DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis, Brigedier Jeneral Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Merangkap Komander Rejimen 504 Askar Wataniah.





# POLYCC CATAT LEBIH 97 PERATUS KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN, TERTINGGI DALAM SEJARAH

# 97%

Kadar Kebolehpasaran Graduan,  
Tertinggi Dalam Sejarah



## KUALA TERENGGANU, 21 Julai 2024

- Usaha membentuk kemenjadian graduan politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) merupakan cerminan iltizam dan kesungguhan pelajar. Begitu juga komitmen dan dedikasi tenaga pengajar yang tidak pernah mengenal putus asa. Hasilnya terbukti apabila statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan POLYCC mencatat sejarah apabila mencapai kebolehpasaran tertinggi iaitu melebihi 97 peratus bagi tahun 2023.





# 30,000 PELAJAR BAHARU IKUTI SESI DIALOG BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN TINGGI SECARA HIBRID



**NILAI, 30 Julai 2024** - Seramai hampir 30,000 pelajar baharu yang hadir mendaftar di politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) seluruh negara berpeluang mengikuti Sesi Dialog YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama pelajar baharu sempena dengan Minggu Suai Kenal Sesi 1 2024/2025 yang diadakan secara hibrid dan dipancarkan dari Politeknik Nilai (PNS), di sini.





## CERTIPOINTS ADOBE CERTIFIED PROFESSIONAL CHAMPIONSHIP 2024: **PELAJAR POLITEKNIK MUADZAM SHAH RANGKUL GELARAN JUARA DUNIA**



Seluruh warga POLYCC mengucapkan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada Izzul Zafran bin Abd Razak, pelajar dari Politeknik Muadzam Shah (PMS) atas kejayaan merangkul gelaran Johan dalam Certiports Adobe Certified Professional Championship 2024 sekaligus mengenyepikan 47 peserta mewakili lebih 40 negara dari seluruh dunia.

## **WARGA JPPKK SERTAI LARIAN MAPPA XIX 2024 DI PUTRAJAYA**



**Putrajaya, 3 Ogos 2024** - Warga Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut mengambil peluang menyertai Larian MAPPA XIX 2024, anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang berlangsung di Dataran Putrajaya, Presint 3. Turut serta adalah Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK), YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari Ismail.



## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JPPKK BERTEMAKAN SEMANGAT KEMERDEKAAN



**Putrajaya, 8 Ogos 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Kibaran Jalur Gemilang yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK), di sini.



## DYTM RAJA MUDA SELANGOR

**BERKENAN BERANGKAT MENYEMPURNAKAN HARI TERBUKA TVET  
2024 YAYASAN RAJA MUDA SELANGOR DI PSIS**



**SABAK BERNAM, 27 Ogos 2024** - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor mencemar duli berangkat hadir ke Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) bersempena dengan Hari Terbuka TVET Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) 2024. Turut berangkat ialah Yang Amat Dimuliakan, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YRMS.



## INDEX NEXUS POLYCC: SINERGI ANTARA POLYCC DENGAN INDUSTRI



**IPOH, 4 September 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan Program Industri Nexus POLYCC 2024 (INDEX POLYCC 2024) yang berlangsung di Politeknik Ungku Omar (PUO), di sini.

## PENTAULIAHAN PROFESIONAL PERKUKUH PERANAN POLYCC MELALUI PENSYARAH PAKAR YANG MENJADI RUJUKAN INDUSTRI



**Klang, 5 September 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus komited memastikan kecemerlangan organisasi dapat dikekalkan dengan memastikan warganya dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan baharu bersesuaian dengan keperluan tugas agar sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dan kualiti program pengajian yang ditawarkan kekal berada di tahap yang tinggi.



# FESTIVAL TVET MADANI @ KKSJ:

## MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN



**Selayang, 9 September 2024** - YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK) hari ini telah merasmikan Majlis Penutup Festival TVET Madani @ KKSJ bertempat di Kolej Komuniti Selayang (KKSJ).

Bertemakan "Kelestarian Ilmu Warisan Malaysia Madani," festival ini menekankan pentingnya melestarikan warisan tradisional sambil mengadaptasi teknologi moden, khususnya dalam bidang pelancongan, hospitaliti, dan gastronomi.

## PROGRAM PEMINDAHAN ILMU: POLYCC KONGSI KEPAKARAN MENERUSI AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT DAN PSH UNTUK KOMUNITI



**Kluang, 12 September 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) menerusi POLYCC Negeri Johor dan diselaraskan oleh Kolej Komuniti Kluang telah melaksanakan inisiatif pemindahan ilmu dan perkongsian kepakaran menerusi Program 'Outreach' kepada komuniti setempat dengan mengadakan Aktiviti Khidmat Masyarakat (CSR) dan kursus pendek menerusi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di sekitar Kluang, Johor.



# MESYUARAT PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BILANGAN 2 TAHUN 2024 MANTAPKAN STRATEGI KOMUNIKASI POLYCC



**Kuala Lumpur, 12 September 2024** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat (UKK) telah mengadakan Mesyuarat Pegawai Perhubungan Awam Politeknik dan Kolej Komuniti Bil. 2 tahun 2024 di ibu negara, petang tadi. Mesyuarat dipengerusikan oleh Encik Abdul Hadi bin Mustaffa, Ketua Komunikasi Korporat, JPPKK.

## ANUGERAH INOVASI PEMBELAJARAN DIGITAL CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS (EDOLA) KALI KE-12



**Putrajaya, 25 September 2024** - Anugerah Inovasi Pembelajaran Digital CIDOS Inspiring Learning Awards (eDOLA) merupakan platform anugerah inovasi pembelajaran digital dan merupakan acara tahunan yang telah bermula sejak tahun 2013 sehingga kini dan ia disertai oleh warga pensyarah, pelajar dan juga staf sokongan.



# PERSONALITI POLYCC



Menyelam pula memberikan pengalaman berbeza, di mana Nurmaryam dapat meneroka keindahan dunia bawah laut seperti terumbu karang yang berwarna-warni dan masa seakan-akan terasa berhenti seketika. Setiap aktiviti ini memberikan Nurmaryam keseimbangan dalam hidup dan menjadi terapi bagi minda serta tubuh.

## LATAR BELAKANG

Nurmaryam Aida Hashim merupakan anak kelahiran Dungun, Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Batu 48, Dungun dan Maktab Rendah Sains Mara Kota Putra, Besut sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dalam bidang Rekabentuk Industri.

## ANTARA KERJAYA DAN HOBI

Nurmaryam kini bertugas di Ibu Pejabat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sebagai Penolong Pengarah dengan peranan beliau tertumpu dalam menguruskan Dana Penyelidikan TVET.

Disamping kesibukan bekerja, beliau sangat aktif dalam pelbagai aktiviti luar outdoor seperti mendaki, berlari, tinju, dan menyelam. Aktiviti ini membantu Nurmaryam mencari keseimbangan dalam hidup sambil mengekalkan kecergasan mental dan fizikal.

## AKTIVITI TINJU DAN MENYELAM MENJADI HOBI PILIHAN

Tinju telah menjadi cara terbaik untuk Nurmaryam melepaskan tekanan sambil meningkatkan stamina dan kekuatan fizikal. Latihan seperti lompat tali dan shadow boxing membantu membina ketahanan badan, manakala teknik tinju melatih fokus dan koordinasi. Selain itu, tinju mengajar disiplin diri melalui rutin latihan konsisten dan usaha berterusan untuk memperbaiki teknik, menjadikannya aktiviti yang menyihatkan tubuh dan minda.

## CABARAN DALAM MELAKUKAN AKTIVITI KEGEMARAN

Setiap aktiviti yang diceburi pastinya memiliki cabaran yang tersendiri. Cabaran itu lebih ketara apabila ketika seseorang beranjak ke usia 30-an. Pada peringkat tersebut, kebanyakan mereka khususnya para wanita sudah berumah tangga dan mempunyai komitmen lain yang menjadikan mereka kurang berminat untuk menyertai aktiviti lasak. Walaupun aktiviti-aktiviti tersebut agak menyeronokkan, ianya bukanlah mudah kerana terdapat pelbagai faktor yang perlu diambil kira, terutama daripada segi keselamatan.

## PERANCANGAN MASA HADAPAN

Nurmaryam sentiasa terbuka untuk mencuba sesuatu aktiviti atau cabaran yang baharu kerana saya percaya setiap pengalaman memberikan peluang untuk belajar, berkembang, dan menguji batas diri. Beliau turut mengimpikan untuk menyertai ekspedisi ke lokasi ikonik seperti Everest Base Camp, sebuah pengalaman yang bukan sahaja mencabar fizikal tetapi juga memberi peluang untuk mendalami budaya tempatan dan menikmati keindahan Himalaya yang luar biasa.

Dalam jangka masa panjang, saya berharap untuk memberi inspirasi kepada orang lain, terutamanya mereka yang mungkin ragu-ragu untuk mencuba aktiviti luar kerana pelbagai halangan, seperti kekangan masa, kekurangan keyakinan, atau ketakutan kepada cabaran. Saya ingin menunjukkan bahawa setiap orang boleh melangkah keluar dari zon selesa mereka dan menikmati dunia luar yang penuh dengan peluang dan keindahan.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**